



Nur Hanisah raih pendapatan lumayan menerusi perniagaan percetakan dan penjilidan di kampus UMP Gambang.

Tauke 'percetakan'

Oleh Mimi Rabita
Abdul Wahit
bhvarsiti@bh.com.my

► Gambang

Pelaburan besar RM10,000 bagi membeli mesin fotostat dan peralatan penjilidan, membuatkan Nur Hanisah Amirah Ab Rahman, 22, tekad memajukan perniagaan percetakan dan penjilidan sejak tiga bulan lalu.

Kini, beliau berbangga apabila mampu mengembangkan peniagaan dalam tempoh singkat dengan memiliki lima mesin fotostat serta meraih pendapatan

hingga RM10,000 sebulan.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan ialah mencetak, menjilid membuat salinan fotokopi, mencetak kain rentang dan cop.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu memegang prinsip tidak menoleh ke belakang apabila mula mengusahakan perniagaan, sekali gus mencetus keberanian untuk meneroka potensi dalam bidang keusahawanan.

Anak kelahiran Pahang itu mengakui minat mendalam dalam bidang perniagaan itu timbul sejak mengikuti aktiviti anjuran Pusat Keusahawa-

nan UMP.

Katanya, pendedahan mengenai pengurusan serta pembinaan syarikat yang kukuh diterima menerusi kursus anjuran pusat itu memberi keyakinan untuk mengusahakan perniagaan sendiri.

Guna modal sendiri

"Idea untuk memulakan perniagaan timbul kerana pernah menceburkan diri membuka perniagaan ini dengan rakan baiknya di UMP kampus Pekan.

"Dengan sokongan Pusat Keusahawanan UMP, saya nekad membuka perniagaan percetakan dan penjilidan sendiri di UMP kampus Gambang," katanya.

Bermodalkan wang simpanan hasil perniagaan dengan rakan kongsi, Nur Hanisah mendaftarkan syarikat P3C Centre dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai langkah pertama.

Kebetulan, pada masa sama, Pusat Keusahawanan UMP memberi beliau peluang menyewa ruang Siswa Niaga yang terletak di antara asrama pelajar dengan Pusat Khidmat Pelajar.

"Asalnya, hasrat saya membuka perniagaan sendiri kurang dipersetujui ibu, namun saya meyakinkan ibu tidak akan mensia-siakan peluang itu. Akhirnya ibu akur dan bapa pula memberi sokongan penuh namun bersyarat iaitu memastikan pengajian saya tidak terjejas," katanya.

Bagi melancarkan operasi kedai dan memastikan pembelajaran tidak terganggu, Nur Hanisah mendapatkan khidmat tiga pekerja yang mengendalikan urusan di kedai pada waktu siang sebelum beliau mengambil alih selepas tamat sesi kuliah.

Beliau berhasrat mengembangkan perniagaan apabila tamat pengajian kelak dengan membuka beberapa cawangan kedai dan syarikat percetakan sekitar Kuantan dan Temerloh.



Kesibukan mengurus perniagaan percetakan dan penjilidan tidak menjejaskan pembelajaran Nur Hanisah.